KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	-			

lokal

Jual tanah tak sah!

Penduduk jadi mangsa penipuan hartanah didalangi sindiket: MB

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Ada penduduk Kampung Baru Pulau Tiga, Sungai Layar, Sungai Petani, dekat sini, dipercayai menjadi mangsa penjualan tanah lot tidak sah yang dilakukan sindiket, kata Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor semalam.

"Banyak sindiket jual tanah di kawasan itu, mereka buat plot dan pelan elok-elok, kemudian jual kepada orang lain. Dalam kes ini, saya tak pasti sejarahnya macam mana, tetapi mungkin ada ciri seperti itu juga.

"Sebelum ini, kerajaan sudah ambil tindakan untuk mengosongkan tanah di kawasan terbabit, tetapi ada pihak lain yang menjualnya secara tak sah. Kita pandang serius isu sindiket yang memplot tanah kerajaan dan menjual secara tak sah," katanya.

Muhammad Sanusi berkata demikian pada sidang media di Wisma Darul Aman di sini.

> "Mereka buat plot dan pelan elok-elok, kemudian jual
> Muhammad Sanusi

Terdahulu, Muhammad Sanusi menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian (MoA) di antara Menteri Besar Kedah Incorporated, Universiti Sains Malaysia, Permodalan Kedah Berhad, Hayun Land Sdn Bhd, Kedah Agro Holdings Bhd dan MHC Trading (M) Sdn Bhd.

Pada perkembangan sama, Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri menawarkan 30 keluarga Kampung Baru Pulau Tiga yang diarah berpindah, menetap di Projek Perumahan Awam (PPA) Flat Paya Nahu.

Menurut Muhammad Sanusi, ada 25 kekosongan unit di Flat Paya Nahu yang boleh dihuni manakala 15 lagi unit yang rosak akan segera dibaiki membabitkan kos RM150,000.

Jelasnya, penduduk Kampung Baru Pulau Tiga yang tidak mempunyai kediaman lain boleh memasuki unit berkenaan dalam tempoh terdekat dengan kadar sewa RM124 sebulan.

